



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Januari 2023
02 Rejab1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Bekalan patin Jerantut berkurang
Sinar Harian	• Pendaratan kerang dalam negara masih rendah - DOF
The Star (Starmetro)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	20	24.01.2023

Belum mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) 30,000 tan metrik setahun

Pendaratan kerang dalam negara masih rendah - DOF

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM



Laporan Sinar Ahad pada 22 Januari 2023.

Pendaratan kerang kebangsaan masih rendah, kata Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Menurutnya, projek kebun kerang Selangor mencatatkan penurunan pendaratan yang amat parah.

Katanya, data pendaratan bagi tahun 2022 sehingga September hanya mencatatkan pendaratan sekitar 89.04 tan metrik iaitu jauh lebih rendah berbanding dengan pendaratan dari projek kebun kerang Lekir di Perak yang mencatatkan pendaratan sekitar 230.37 tan metrik sehingga Ogos 2022.

"Pendaratan kerang tahunan dilihat meningkat semenjak 2016

apabila jabatan telah berjaya menghasilkan benih kerang di lapangan.

"Trend peningkatan pendaratan kerang signifikan pada tahun 2016 hingga 2022 namun masih belum mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) 30,000 tan metrik," jelasnya kepada Sinar Harian.

Tambah beliau, kajian berkaitan kerang telah dijalankan semenjak 2009 sehingga kini di mana peringkat awal kajian lebih kepada kajian oseanografi dan proses pantai bagi melihat pengaruh sekitaran terhadap aktiviti ternakan kerang di pantai.

"Model pembenihan telah di-



MUHAMMAD AZNAN

temui pada tahun 2014 dan pengujian di lapangan telah mula dijalankan pada tahun 2016 di perairan Kapar, Selangor untuk melihat pengaruh kejutan suhu terhadap proses pembenihan aruhan kerang.

"Kajian ini telah dilanjutkan ke Teluk Lekir, Perak pada tahun 2018 dengan penaburan 10,000 kilogram (kg) induk kerang.

"Dapatan kajian mencadangkan proses pembenihan aruhan di Teluk Lekir telah menghasilkan anak dan benih kerang," ujarnya.

Laporan eksklusif muka depan Sinar Ahad pada 22 Januari mendedahkan kegiatan curi anak dan benih kerang yang dilakukan

warga asing dan tempatan kerana nilainya di pasaran gelap mencecah RM800 bagi tiga kilogram.

Anak atau benih kerang ini juga dianggap sebagai 'emas hitam' di kalangan pencuri dan penyeludup kerana nilainya yang tinggi.

Kegiatan mencuri anak dan benih kerang ini dikesan dilakukan kebiasaan pada bulan November hingga April.

Malah ada pemimpin masyarakat serta penduduk yang sanggup bersekongkol dengan kegiatan haram ini.

Bagi menyulitkan tindakan pihak berkuasa, kumpulan ini turut beroperasi menggunakan khidmat tonto dan dron bagi memantau pergerakan serta kehadiran pihak berkuasa.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	16	24.01.2023

Air Sungai Pahang yang keruh didakwa jadi punca banyak benih ikan mati

Bekalan patin Jerantut berkurang

Oleh HARIS FADILAH AHMAD



SEORANG peniaga hanya menjual ikan tilapia di kedai miliknya kerana bekalan patin sukar diperoleh di Jerantut semalam.

cil. Penjual memberitahu, mereka hanya mendapat bekalan dalam saiz berkenaan daripada penternak sangkar.

"Kemudian, saya ke gerai penjual ikan sangkar di Jerantut Peri,

tetapi bekalan ikan patin tiada juga, cuma yang ada ikan tilapia," katanya.

Seorang pelancong tempatan dari Puchong, Selangor, Azahari Abdullah, 56, berkata, hasratnya

untuk membeli ikan patin yang bersaiz lebih besar tidak kesampaian apabila hanya ikan patin bersaiz kecil kira-kira seberat 600 gram yang dijual.

"Sebelum ini, ketika berkun-

jung ke Jerantut atas urusan kerja, saya dapat beli ikan patin seberat lebih 1 kilogram dan dapat menikmati rasa isinya lebih enak dan lemak apabila dimasak gulai asam tempoyak.

"Ikan patin atau jenis ikan liar lain bersaiz kecil tidak sesuai dimasak campur asam tempoyak dan dibuat pais (tempoyak) berbanding yang agak besar," katanya.

Dalam pada itu, seorang penjual ikan sangkar di gerai Kampung Jerantut Feri, Mohd Ali Mat Isa, 48, berkata, sejak awal tahun ini, bekalan ikan patin mulai berkurangan.

Katanya, kekurangan bekalan itu dipercayai berpunca daripada faktor air Sungai Pahang yang keruh menyebabkan banyak benih ikan mati.

"Saya juga ada menternak ikan patin di 15 buah sangkar, yang mana setiap sangkar dipelihara kira-kira 2,000 benih ikan.

"Hanya 700 ekor hidup akibat air yang keruh," katanya.